

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 ( 89 )  
Tarikh: 12 November 2013.

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **FESTIVAL ANTARABANGSA PETALING JAYA (PJ INTERNATIONAL FAIR)**

Ke arah membangunkan Bandaraya Petaling Jaya sebagai *City With Soul*, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menganjurkan Festival Antarabangsa Petaling Jaya (*PJ International Fair*) Gaya Hidup Lestari, Kehidupan Hijau (*Sustainable Lifestyle, Green Living*) pada 21 dan 22 Disember 2013 di sekitar kawasan Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya. Program ini merupakan salah satu aktiviti di bawah bidang gaya hidup mampan (*sustainable lifestyle*) yang memberi keutamaan kepada kehijauan bandar dan gaya hidup lestari yang dicadangkan oleh penduduk Petaling Jaya semasa penyediaan Pelan Strategik, *Sustainable PJ 2030*.

Festival Antarabangsa Petaling Jaya (*PJ International Fair*) yang berkonsepkan *street carnival* akan dianjurkan dengan tema *Green Living Festival*, bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai inisiatif yang diambil oleh Majlis ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar raya Hijau, Berdaya huni dan Lestari. Majlis juga dapat berkongsi amalan terbaik (*best practice*) dan inovasi hijau bersama komuniti dari luar negara untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan mesra alam. Program dan aktiviti dibahagikan kepada 5 segmen iaitu:-

- i. Eko-Mobiliti (Eco-Mobility)
- ii. Komuniti Mampan (Sustainable Community)
- iii. Taman Pintar (Smart Garden)
- iv. Gaya hidup sihat (Healthy Lifestyle )
- v. Seni & budaya hijau (Green Arts & Culture )

Sebagai lanjutan, penganjuran aktiviti secara mingguan seperti penutupan sebahagian Jalan Yong Shook Lin untuk aktiviti berbasikal dan senamrobik, bazar barangan

organik, *open cinema*, *artist corner*, muzik jalanan (*busking*) dan *speakers corner* akan dilaksanakan.

Aktiviti Festival Antarabangsa Petaling Jaya (*PJ International Fair*) dan *PJ Walk* telah diatur Pelan Tindakan bersepadu supaya ianya lebih tersusun dan merangkumi kesemua kawasan di Petaling Jaya serta meliputi kesemua aspek seperti interaksi sosial, beriadah, bersukan dan berekreasi dalam usaha Majlis menjadikan bandar Petaling Jaya bandaraya berjiwa.

**Sekretariat Media**  
**Unit Perhubungan Awam**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,  
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))